

05/10/1997

Argentina berpotensi jadi rakan niaga

BUENOS AIRES: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sudah tiba masanya bagi ahli perniagaan Malaysia dan Argentina menyedari realiti baru mengenai potensi kedua-dua negara sebagai rakan perdagangan dan perniagaan.

"Sudah sampai masanya bagi usaha bersepadu dan antara rantau dijalankan bagi meneroka peluang dan pasaran di rantau masing-masing," kata Perdana Menteri pada majlis jamuan rasmi yang diadakan Presiden Carlos Menem bagi meraikan beliau.

Dr Mahathir kini dalam lawatan rasmi tiga hari ke Argentina, negara terakhir yang dilawatnya dalam kunjungan ke empat negara Amerika Latin. Perdana Menteri sebelum ini melawat Cuba, Chile dan Uruguay.

Dr Mahathir menarik perhatian kepada "usaha bersifat perintis" yang dijalankan syarikat seperti ICTSI dari Filipina, IMPSA dari Argentina dan syarikat Malaysia, Petronas serta IJM Corp Bhd, yang menunjukkan bahawa keuntungan boleh diperolehi dan peluang wujud di kedua-dua rantau serta menggesa ahli perniagaan merebut peluang ini.

Beliau gembira terhadap hakikat bahawa ahli perniagaan Malaysia dan Argentina mula membina "jambatan baru" bagi kerjasama ekonomi dan tidak syak lagi ia akan memberi manfaat bersama.

Ahli perniagaan dari kedua-dua negara sebelumnya bertemu bagi membincangkan kemungkinan melancarkan Majlis Perniagaan Asean-MERCOSUR, idea yang diilhamkan Presiden Menem. MERCOSUR adalah perkumpulan ekonomi mengandungi negara Amerika Selatan.

Dr Mahathir memberi jaminan kepada ahli perniagaan berkenaan bahawa kerajaan kedua-dua negara memberi iltizam politik yang kuat kepada usaha sektor swasta untuk menjalin kerjasama ekonomi yang rapat.

Beliau menggesa mereka memberi maklumat balas mengenai apa yang boleh dilakukan kerajaan untuk membantu meningkatkan perdagangan di antara kedua-dua rantau.

Menurut Dr Mahathir, Asean dan MERCOSUR mengeluarkan segala-galanya meliputi kapal terbang, jet dan turbin penjana kuasa serta daging dan minyak sayuran.

Beliau mengingatkan ahli perniagaan dari kedua-dua negara yang mempunyai tanggapan bahawa sedikit sahaja keuntungan diperolehi hasil perdagangan dan pelaburan dalam ekonomi Selatan dan bahawa negara Utara selalu mengaut keuntungan dalam perdagangan dengan Selatan.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Argentina dan presidennya kerana berjaya melalui "kecekalan dan keazaman" untuk sekali lagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi selepas mengalami krisis yang dicituskan oleh apa yang dipanggil "kesan tequila" berikutan kejatuhan nilai peso Mexico yang melimpah hingga ke negara Amerika Latin lain.

(END)